

**SISTEM MATAWANG BERSANDARKAN EMAS: TINJAUAN  
MENURUT PERSPEKTIF AL QURAN  
(GOLD BACKED CURRENCY: ANALYTICAL REVIEW FROM QURANIC  
PERSPECTIVE)**

Sa'diah Abdul Karim  
Department of Economics and Management  
International Islamic University College Selangor  
[sadiyah@kuis.edu.my](mailto:sadiyah@kuis.edu.my)

Mohd Ali Mohd Nor  
Department of Economics  
The National University of Malaysia

**ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk meneliti sistem matawang bersandarkan emas yang dipraktikkan pada kurun ke 19 dan 20 serta tinjuannya menerusi perspektif Al Quran. Perbincangan distrukturkan dengan pertama pemfokusan terhadap perbincangan berhubung matawang menurut perspektif Al Quran dengan menelusuri secara khusus karya Tafsir oleh Ibn Kathir. Kedua, analisis kandungan terhadap kajian literatur tentang sistem matawang bersandarkan emas yang ditulis oleh kedua-dua ilmuwan Islam dan Barat diteliti bagi memperoleh dapatan yang kemudiannya dimanfaatkan untuk meneroka pelaksanaan sistem matawang bersesuaian dengan syariat Islam dalam konteks semasa. Sementara fokus ketiga kajian ini adalah untuk memperoleh satu rumusan yang mencadangkan pelaksanaan sistem matawang bersandarkan emas sebagai salah satu pendekatan praktikal bagi menggantikan sistem matawang fiat yang ada pada masa ini. Kajian ini secara keseluruhannya menyumbang kepada disiplin ilmu ekonomi dengan menambah dapatan berhubung sistem matawang yang adil dan membawa kemakmuran selaras dengan matlamat ekonomi Islam.

Kata kunci: matawang, matawang emas, ekonomi Islam.

**ABSTRACT**

*This paper investigates the gold backed currency system which been practiced in 19<sup>th</sup> and 20<sup>th</sup> century and its overview from Quranic perspective. The paper is structured to first focusing on the discussion of currency based on Quranic perspective. This is done particularly by referring to the Tafsir written by Ibn Kathir. Secondly, in order to explore the implementation of the currency system in accordance to Islamic perspective, the content-analysis method is applied on the previous studies on the gold backed currency system which is written by both Muslim and western scholars. The third focus is to derive a finding which suggests that the gold backed currency system is a better alternative for the current fiat currency system. This study adds to the body of knowledge by proposing a currency system which is just and to bring the desired prosperity in line with the objectives of Islamic economics.*

Keywords: currency, gold currency, Islamic Economics

## **PENDAHULUAN**

Secara umumnya wang boleh dirujuk sebagai medium pertukaran yang diterima umum dalam transaksi bagi mendapatkan barang-barang dan perkhidmatan. Fungsi lain wang yang diterima secara meluas ialah sebagai penyimpan nilai, unit ukuran nilai dan perantara bayaran tertanggung. Selaras dengan ini, wang seharusnya mempunyai sifat-sifat khusus antaranya mempunyai nilai intrinsik, diterima umum, mudah dibahagi dan dibawa serta penawarannya mestilah terhad. Sejarah menyaksikan evolusi matawang yang digunakan bermula daripada logam berharga sebenar, matawang komoditi, matawang kertas (fiat) dan sehinggalah matawang elektronik yang hanya berasaskan kepercayaan bahawa ia dijamin oleh pihak yang mengeluarkannya.

Sungguhpun sistem matawang bersandarkan emas pernah mencapai zaman kegemilangannya iaitu dari tahun 1882 sehingga 1915, namun disebabkan faktor politik dan ekonomi, ia digantikan dengan sistem matawang kertas atau wang fiat. Walaubagaimanapun, sistem matawang fiat menimbulkan pelbagai masalah ekonomi seperti inflasi, pengangguran, ketidakstabilan aktiviti perniagaan dan krisis kewangan. Sehubungan dengan ini, kini terdapat semakin banyak kajian yang mengemukakan alternatif kepada sistem matawang semasa di antaranya pelaksanaan semula sistem matawang bersandarkan emas.

## **KAJIAN LEPAS**

Bagi meneliti kajian lepas yang terkait secara khusus dengan kajian ini, penulis merangkumkan kajian lepas kepada tiga kategori berbeza. Pertama, kajian bersifat kualitatif yang menghuraikan kerangka matawang dalam Islam secara umum. Sifat utama kajian kategori ini ialah dapatannya memperhalusi huraian tentang wang menerusi sumber naqli iaitu Al Quran dan Hadith serta pandangan mazhab fiqh. Antara dapatan kajian kategori ini ialah karektor emas dan kesesuaiannya sebagai wang (Ibn Kathir), wang diperlukan sebagai medium pertukaran dan wang bukan suatu komoditi (Al Ghazali 1993), wang fiat dan permasalahan riba (Imran 1997), kajian perbandingan wang dalam perspektif Islam dan konvensional (Ezani 2002), dinar dan dirham sebagai matawang dalam Islam (Imran 2007), dinar emas dan kebolehpupayaannya mencapai objektif syariah (Ahamed Kameel & Moussa 2009), wang mesti diperolehi dengan cara yang benar (Abul'Ala Al Mawdudi 2011), isu fiqh dalam pelaksanaan dinar emas (Haneef & Barakat 2002, Jaafar & Hailani 2009, Sanep & Dwi Chodro 2009) serta kriteria matawang dalam Islam (Ibn Khaldun 2015). Sumbangan terpenting kajian kategori pertama ialah pembentukan kerangka matawang dalam Islam yang jelas, sekaligus menjadi asas kepada pembentukan andaian, hipotesis dan model sistem matawang.

Manakala kategori kedua pula merujuk kepada kajian kualitatif dan kuantitatif yang dibuat berhubung pelaksanaan sistem matawang bersandarkan emas. Memandangkan intipati kajian lepas yang dimaksudkan dalam kategori ini tidak hanya terhad kepada konsep dan pelaksanaan dinar emas dan dirham semata-mata, namun termasuk juga matawang lain yang bersandarkan emas, maka dalam kategori ini, kajian lepas yang dirujuk adalah dari kedua-dua sumber Islam dan juga konvensional. Antara kajian lepas yang merangkumkan cadangan pelaksanaan dinar emas (Sanep & Dwi Chodro 2011, Ahamed Kameel 2004, Evans 2003, Hamidi 2007), sejarah dan pelaksanaan sistem matawang bersandarkan emas (Ryan 2011), sejarah dan aplikasi semasa dinar emas (Sanep & Salmy Edawati 2012), kekangan dalam pelaksanaan sistem matawang bersandarkan emas (Mundel 1997, Ling 2001, Vadillo 2002, Dutta 2005, Huang & Feng 2006, Zubair 2007, Sanep 2009) serta pentadbiran dan kawalan matawang bukan ditentukan fizikal matawang namun sikap manusia (Zubair 2011).

Manakala dalam kategori ketiga, kajian lepas yang difokuskan berbentuk kajian empirikal ke atas pelaksanaan sistem matawang bersandarkan emas, tidak kira sama ada ia menyokong pelaksanaannya mahupun sebaliknya. Antara kajian yang didapati menyokong pelaksanaan matawang bersandarkan emas ialah (Mansor 2006) yang telah membuktikan secara empirikal interaksi dinamik di antara dinar emas ke atas beberapa pembolehubah makroekonomi antaranya tingkat pengeluaran negara, tingkat harga, kadar bunga dan harga stok. Simpanan dalam bentuk emas juga dibuktikan secara empirikal sebagai pelindung kepada inflasi (Mansor 2009). Kajian empirikal juga membuktikan yang pelaburan dalam syiling emas contohnya Kijang emas dapat berperanan sebagai medium yang memelihara kekayaan sewaktu berlakunya krisis kewangan (Mansor 2011). Ini disokong oleh (Cheong 2017) yang mendapati dinar emas mampu menjadi pemampuan terhadap ketidakpastian pasaran dalam portfolio kewangan yang pelbagai. Selain itu pembuktian secara empirikal tentang matawang emas sebagai matawang alternatif berdasarkan teori inovasi juga telah dibuat oleh Muhammad Bashir et. al, 2015. Dalam masa yang sama, kajian telah membuktikan dinar emas mampu memelihara salah satu fungsinya iaitu sebagai penyimpan nilai berdasarkan kajian di Egypt dari tahun 696 hingga 1517 (Abdullah 2016). Manakala Noraini et al (2017) mengemukakan beberapa cabaran dalam pelaksanaan matawang emas di antaranya penawaran emas sebagai matawang yang terhad, kos pengeluaran wang emas yang secara relatif lebih mahal, kekangan dari sudut kerjasama politik dan cabaran dari segi keharmonian adaptasinya dalam kerangka sistem kewangan masa kini.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan metod pengumpulan data secara kualitatif dengan merujuk tafsir karya oleh Ibn Kathir, jurnal dan buku yang mengupas tentang wang dan sistem kewangan dari kedua-dua perspektif iaitu Islam dan konvensional. Analisis terperinci dilaksanakan tentang pelaksanaan sistem matawang bersandarkan emas yang pernah wujud dan penilaian lanjut dibuat tentang sarana Al Quran ke atasnya.

Selanjutnya, kaedah analisis data yang digunakan adalah kaedah analisis kandungan (content analysis) yang memfokuskan huraian isi data. Dari segi definisi, kaedah analisis kandungan (content analysis) dirujuk sebagai penghuraian yang objektif, sistematik dan kualitatif bagi suatu kandungan tersurat (manifest content) yang terdapat sama ada dalam bentuk bahan yang dicetak, disiarkan atau digambarkan (Bryman 2008). Analisis kandungan (content analysis) juga dapat difahami sebagai satu teknik untuk membuat inferens secara sistematik dan objektif ke atas sesuatu ciri-ciri mesej yang telah dikenalpasti (Sabitha Marican 2005).

Bagi melengkapkan kajian ini, data yang telah dianalisis kemudiannya dikumpulkan dan dianalisa secara kaedah perbandingan. Perbandingan yang dimaksudkan adalah dengan meneliti panduan umum dari Al Quran, ahli tafsir dan ilmuwan Islam tentang sistem matawang bersandarkan emas sama ada ia selari dengan apa yang digariskan di dalam Al Quran ataupun sebaliknya. Bagi memberi makna dan relevan terhadap kajian ini, maka satu kaedah lain yang dikenali sebagai kaedah relevansi digunakan. Adalah difahami yang kaedah ini membantu pencapaian matlamat kajian sebagai berkesinambungan, bersesuaian atau bersambungan dengan sesuatu tujuan tertentu. Berdasarkan kajian ini, penulis dapat memerhatikan bahawa sistem matawang bersandarkan emas yang pernah dilaksanakan mempunyai beberapa ciri-ciri yang boleh dianggap sebagai bersesuaian dengan panduan tentang matawang sebagaimana yang digariskan di dalam Al Quran. Di akhir kajian, penulis dapat memberikan rumusan tentang sistem matawang bersandarkan emas sebagai salah satu contoh praktikal yang dipercayai dapat mengangkat matlamat ekonomi kewangan yang lebih adil dan saksama berbanding sistem matawang fiat yang dipraktikkan pada hari ini.

## TEORI WANG

Berdasarkan sejarah, teori wang dalam Islam berkait rapat dengan matawang syiling dinar dan dirham, di mana ia berasaskan teori nilai (Abdullah 2016). Berdasarkan teori ini, nilai wang dinisbahkan dengan kadar pertukarannya terhadap logam berharga. Dalam erti kata yang lain, nilai wang (VM) akan ditentukan oleh kadar pertukaran nilai intrinsik logam sesama logam berharga yang sama, atau unit akaun atau logam berharga yang lain. Berbeza dengan pemahaman konvensional tentang inflasi, teori ini menyebutkan bahawa inflasi adalah penurunan nilai wang, dan inflasi bukanlah penyusutan kuasa beli pengguna. Ia juga dapat difahami bahawa fenomena inflasi merupakan kesan daripada penyusutan nilai wang dan bukannya faktor yang menyebabkan penyusutan nilai wang berlaku. Kefahaman ini memberi makna bahawa sekiranya matawang dapat distabilkan, maka inflasi juga dapat dikawal.

Ini dihuraikan secara lebih lanjut menerusi persamaan di bawah di mana harga komoditi bergantung kepada interaksi penawaran dan permintaan wang. Selaras dengan pemahaman yang matawang bersandarkan emas adalah terhadap penawarannya, maka pembawa persamaan di bawah dapatlah disimpulkan sebagai tetap ( $VM = 1$ ). Kesannya, kestabilan harga komoditi dapat dicapai. Sebaliknya, dapatlah difahami jika penawaran wang meningkat maka, pembawa persamaan tersebut akan mengecil dan mengakibatkan harga komoditi meningkat.

Seterusnya, teori wang dalam Islam dilanjutkan melalui persamaan berikut:

$$PY = VM \quad (1)$$

di mana  $P$  = indeks harga sebenar barang-barang yang dinyatakan dalam nilai emas dan perak ( $CP_g$  dan  $CP_s$ ),  $Y$  = menunjukkan kuantiti semasa barang-barang dan perkhidmatan ( $Q$ ) yang dinyatakan dalam emas dan perak ( $GDP_{gc}$ ),  $V$  = nilai wang yang dinyatakan berdasarkan kadar pertukarannya dengan emas atau perak, dan  $M$  = stok wang. Nilai wang (VM) adalah nilai sebenar kuantiti wang, yang dinyatakan dalam emas ( $M_{gc}$ ). Berdasarkan teori wang ini juga dapatlah difahami yang kegiatan ekonomi benar dilihat sebagai mempengaruhi perkembangan ekonomi kewangan dan bukan sebaliknya.

PPG (emas sebenar) dan  $CP_{gc}$  (harga sebenar dinyatakan dalam nilai emas) adalah reciprocal (saling refleksi) di mana apabila PPG dan  $CP_{gc}$  berada dalam keseimbangan, maka dapatlah difahami yang nilai pasaran bagi barang-barang dan perkhidmatan yang dinyatakan dalam emas adalah sama dengan nilai sebenar emas, iaitu  $GDP_{gc}$  ( $GDP$  sebenar) =  $M_{gc}$  (wang sebenar). Perubahan harga sebenar adalah terkait dengan perubahan output, di mana ia disebabkan oleh perubahan penawaran dan permintaan barang-barang dan perkhidmatan dan ia dijangkakan lebih stabil.

Ini menyokong pandangan yang telah diutarakan oleh Al Ghazali dan Ibn Khaldun di mana emas dan perak merupakan cerminan kepada nilai barang-barang dan perkhidmatan, dan berperanan sebagai instrumen pertukaran, hanya output sebenar saja yang berubah nilainya, dan bukannya disebabkan oleh penyusutan nilai wang. Polisi kewangan seharusnya bermatlamatkan kestabilan matawang, dan bukannya kestabilan harga. Nilai wang (VM) tidak sama dengan kuasa beli wang (PPM). Ini kerana perubahan PPM disebabkan perubahan penawaran dan permintaan wang atau perubahan penawaran dan permintaan barang-barang dan perkhidmatan. Manakala nilai wang (VM) bergantung kepada perubahan penawaran dan permintaan wang serta kadar pertukaran emas dan perak. Ini bermakna perubahan berlaku dalam VM terlebih dahulu dan diikuti perubahan dalam PPM. Namun, perubahan dalam PPM juga mengambil masa dan dapatlah difahami yang jika perubahan dalam VM adalah minimum, maka demikianlah juga perubahan dalam PPM.

## **SEJARAH SISTEM MATAWANG BERSANDARKAN EMAS**

Sistem matawang bersandarkan emas adalah satu sistem yang mengiktiraf unit akaun standard berasaskan sejumlah tetap kuantiti emas. Kemuncak sistem matawang bersandarkan emas adalah daripada tahun 1882 sehingga 1915. Ini dinilai berdasarkan perkembangan pesat dalam guna tenaga, kegiatan perniagaan serta tingkat gaji. Bahkan sebahagian ahli ekonomi menganggap penggunaan matawang bersandarkan emas adalah salah satu faktor pemulihan kepada Great Depression (Ryan, 2011). Di Amerika Syarikat, di antara tahun 1819 sehingga 1834, sistem matawang yang digunapakai adalah bi-metalik yang menggunakan kedua-dua emas dan perak sebagai asas kepada dolar. Namun, pada tahun 1834, Amerika Syarikat telah mengunapakai sistem piawai emas sehingga tahun 1873 di mana Akta Syiling Emas diperkenalkan. Menerusi akta ini, syiling perak telah dikeluarkan daripada edaran matawang menjadikan hanya syiling emas yang digunapakai. Semenantara itu, pada tahun 1900, Amerika Syarikat telah meluluskan Akta Piawai Emas di mana emas menjadi piawai kepada dolar secara rasmi. Manakala di United Kingdom, kerajaannya telah meluluskan Akta Syiling Emas pada tahun 1816, dan pada tahun 1819, ia telah menerima piawai emas sebagai asas matawangannya.

Namun begitu, pada tahun 1913, Akta Federal Reserve telah diperkenalkan yang membawa kepada penubuhan Federal Reserve sebagai entiti bebas kepada kerajaan Amerika. Federal Reserve dipertanggungjawabkan untuk mengurus penawaran wang dan rizab emas negara tersebut. Perang Dunia Pertama yang berlangsung dari tahun 1914 sehingga 1918 telah mengakibatkan kerajaan-kerajaan yang terlibat terpaksa membatalkan piawai matawang emas dan mengeluarkan lebih banyak matawang kertas berbanding rizab emas yang mereka miliki, hanya disebabkan mereka perlu membiayai kos peperangan yang berlaku. Hal ini menyebabkan Amerika dan United Kingdom memberhentikan eksport emas masing-masing pada tahun 1917 dan 1919. Sistem piawai matawang emas dilaksanakan semula pada tahun 1925, di mana Amerika dan United Kingdom menetapkan kadar pertukaran matawang berasaskan emas yang tetap iaitu pada kadar USD4.86 bersamaan 1 pound. Namun, ia hanya bertahan sehingga tahun 1931 di mana selepas itu United Kingdom menggantung sistem matawang piawai emas. Selanjutnya, pada tahun 1933, Presiden Franklin D. Roosevelt telah meluluskan Emergency Banking Act yang mengarahkan semua rakyat Amerika menyerahkan emas mereka sebagai pertukaran dengan dolar US yang baharu iaitu pada kadar USD20.67 per auns. Setahun kemudian, Roosevelt meningkatkan harga emas kepada USD35 per auns.

## **PELAKSANAAN SISTEM MATAWANG BERSANDARKAN EMAS**

Sewaktu tempoh pelaksanaan sistem matawang bersandarkan emas pada kurun ke 19 dan 20, terdapat 3 jenis piawai yang digunakan iaitu a) piawai emas sebenar (gold specie standard) yang melibatkan penggunaan emas sebenar di mana terdapat banyak emas yang terlibat dalam transaksi harian b) piawai emas pertukaran (gold exchange standard) iaitu satu sistem di mana orang ramai menggunakan wang kertas untuk transaksi, namun wang kertas atau matawang lain yang digunakan boleh ditukar nilainya dengan sejumlah emas. Ia juga merupakan contoh kadar tukaran matawang tetap. Sesebuah negara akan menentukan matawang negaranya dalam nilai sejumlah emas. Kadar tukaran yang telah ditentukan itu juga menjadi kadar tukaran matawang di antara negara yang berbeza. Dalam hal ini, sesebuah negara boleh menentukan berapakah nilai matawang mereka jika dinisbahkan dengan matawang negara lain yang juga ditentukan nilainya dalam bentuk emas. Ini menghasilkan piawai emas, di mana nilai medium pertukaran yang digunakan memiliki nilai luaran yang disandarkan dalam bentuk emas dan c) piawai jongkong emas (bullion standard) yang merupakan satu sistem di mana kerajaan pusat meniadakan emas jongkong pada harga piawai antarabangsa dan

melunaskan komitmen kewangan kerajaan, dan akaun perdagangan antarabangsa. Sistem ini tidak membenarkan orang ramai untuk menukarkan wang kertas mereka dengan emas, namun sebahagian penting dari matawang kertas mereka adalah disandarkan dengan rizab emas milik negara. Sekalipun terdapat tiga jenis piawai yang berbeza seperti yang dijelaskan di atas, namun kajian ini hanya memfokuskan piawai yang kedua iaitu sistem matawang pertukaran emas atau dikenali juga sebagai sistem matawang bersandarkan emas. Lebih spesifik, sistem ini menggunakan emas atau perak sebagai matawang sama ada sebagai wang syiling mahupun jongkong. Namun begitu, apabila sistem kewangan secara umumnya berubah menjadi lebih rumit, sistem kewangan bersandarkan emas juga dirujuk sebagai sistem yang menggunakan wang kertas yang disandarkan dengan sejumlah emas. Oleh kerana nilai wang kertas ini mempunyai sandaran emas, maka ia boleh ditukar atau ditebus dengan emas sebenar. Dalam erti kata yang lain, apabila nilai wang kertas menyusut berbanding nilai emas yang disandarkan, maka wang kertas akan dikembalikan kepada pihak yang menawarkannya (bagi tujuan menebusnya dengan emas sebenar). Dengan ini, penawaran wang kertas dalam ekonomi akan berkurangan. Sebaliknya, apabila nilai matawang kertas meningkat berbanding nilai emas yang disandarkan, maka permintaan terhadap wang kertas akan meningkat dan ini menyebabkan penawarannya turut meningkat (Lewis 2007). Dapatlah diperhatikan apabila wang kertas disandarkan dengan sejumlah emas maka penawarannya dapat dikawal dalam pasaran dan ini menjadikan nilai wang kertas lebih stabil. Inilah yang dibuktikan apabila harga komoditi di Britain secara umumnya tidak berubah sejak tahun 1717, di mana sewaktu ia mulai mengamalkan sistem matawang bersandarkan emas, dengan harga komoditi pada tahun 1931 iaitu tahun di mana Britain meninggalkan sistem tersebut. Hakikatnya, kekuatan sistem matawang bersandarkan emas adalah ditentukan oleh kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap kerajaan dalam memelihara integriti sistem kewangan dan ia tidak ditentukan sama sekali oleh jumlah rizab emas yang dimiliki oleh sesebuah ekonomi. Sekiranya kepercayaan rakyat adalah teguh terhadap kestabilan matawang yang digunakan, maka rizab emas yang minimum adalah memadai. Jesteru, sistem matawang bersandarkan emas pada prinsipnya memfokuskan tambatan matawang berasaskan nilai, dan bukannya berdasarkan kuantiti. Dengan demikian, sistem matawang bersandarkan emas tidak mengktiraf penentuan matawang sebagai berkadar terus dengan jumlah rizab emas yang dimiliki oleh sesebuah ekonomi. Dari sudut praktisnya, rizab emas yang dimiliki oleh sesebuah ekonomi diperlukan apabila rakyat berhasrat untuk menebus wang kertas mereka. Dan ini didapati berlaku apabila nilai wang kertas merosot berbanding nilai emas yang disandarkan. Pun begitu, sekiranya kerajaan mampu mengekalkan kestabilan nilai wang kertas, maka rakyat mendapati peredaran wang kertas sebagai medium transaksi dalam ekonomi adalah lebih diperlukan berbanding untuk menebusnya dengan emas. Menerusi interaksi ini, dapatlah difahami yang sistem matawang bersandarkan emas berkesan dalam mengawal penawaran wang kertas sekaligus memelihara kestabilannya.

Emas pada hakikatnya tidak mempunyai nilai intrinsik yang magis sehingga membuatkan ia terpilih sebagai sandaran kepada matawang. Namun sifat yang ada pada emas seperti ketahanan, kestabilan, keterhadannya serta fitrah manusia yang menghargainya sebagai sesuatu yang berharga menjadikan ia pilihan yang diterima umum sebagai penentu kepada nilai matawang sehingga nilai wang kertas disandarkan kepadanya. Sisi lain kegunaan emas selain dalam bidang kewangan, adalah dalam bidang pergigian, barang perhiasan dan industri elektronik. Pun begitu, kegunaan tersebut hanya melibatkan 12 peratus daripada jumlah keseluruhan penawaran emas. Dengan ini, tidak terdapat persaingan yang signifikan terhadap emas dalam memanfaatkannya sebagai sandaran kepada matawang berbanding kegunaan yang lainnya. Selain itu, emas merupakan komoditi berharga yang nilainya tidak dipengaruhi oleh pengaruh pasaran sebagaimana komoditi lain. Jesteru, sistem matawang

bersandarkan emas diperlukan bukan untuk mencapai kestabilan harga, namun ia bermatlamatkan kestabilan nilai matawang itu sendiri.

## **PERALIHAN DARIPADA SISTEM MATAWANG BERSANDARKAN EMAS KEPADA SISTEM MATAWANG FIAT**

Faktor terpenting yang mempengaruhi peralihan ini adalah kecenderungan kerajaan untuk menawarkan lebih banyak wang bagi membiayai kos Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua yang sangat besar. Apatah lagi situasi selepas kedua-dua perang tersebut memerlukan Amerika dan negara-negara Barat khususnya mengekang pengaruh komunis yang dipelopori oleh Rusia dan China. Era Perang Dingin memerlukan negara-negara terlibat membina semula kekuatan negara mereka dan bangkit semula serta menggiatkan aktiviti ekonomi. Pada hakikatnya, fasa tersebut adalah sangat sukar bagi negara-negara terlibat jika mereka masih mempraktikkan sistem matawang bersandarkan emas. Dengan demikian, apa yang dilakukan ialah memilih mengamalkan sistem matawang fiat, mencetak lebih banyak wang kertas dan meluluskan lebih banyak hutang.

Sungguhpun peralihan ini adalah sangat besar, namun adaptasi peralihannya boleh dikatakan sebagai sempurna memandangkan keadaan ekonomi pada masa tersebut sedang dalam persediaan untuk menerima sistem kewangan baharu yang lebih kompleks dan memerlukan kecairan wang yang tinggi. Pada tahun 1971, Presiden Richard Nixon secara rasminya telah menamatkan apa yang dikenali sebagai sistem kewangan bersandarkan emas dan menggantikannya dengan sistem rizab berkanun yang memungkinkan bukan sahaja bank pusat menawarkan wang bahkan bank-bank perdagangan juga turut sama mencipta wang melalui pinjaman yang dikeluarkan kepada orang ramai. Penelitian terhadap situasi ini menemukan satu jawapan di mana peralihan ini bukanlah disebabkan kegagalan sistem kewangan sedia ada. Namun, ia bertitik tolak daripada kepentingan politik dan mengekalkan kekuasaan dan pengaruh. Dalam erti kata yang lain, ia disebabkan oleh faktor sikap yang berlumba-lumba mengungguli kekayaan sumber bumi melalui peperangan dan penjajahan.

## **DAPATAN KAJIAN ANALISIS TERMINOLOGI BERKAITAN MATAWANG DI DALAM AL QURAN**

### **Terminologi Khusus Berkaitan Emas Dan Perak**

Seperti yang telah dikupas dalam sub topik terdahulu, terdapat tiga jenis piawai sistem matawang bersandarkan emas yang pernah wujud. Ketiga-tiga piawai matawang tersebut adalah piawai emas sebenar, piawai pertukaran emas dan piawai jongkong emas. Namun demikian, analisis ini hanya memfokuskan piawai kedua iaitu piawai emas pertukaran kerana karektor pelaksanaannya yang lebih dekat dengan aspirasi matawang sebagaimana yang disebutkan di dalam Al Quran.

Selaras dengan pokok perbincangan kajian ini iaitu matawang bersandarkan emas, maka analisis konten ke atas terminologi emas dan perak di dalam Al Quran menemukan 14 ayat berbeza yang secara khusus memperincikan beberapa hal. Namun, dengan menyudutkan perbincangan khusus berhubung matawang, maka empat ayat berikut sahaja yang akan dibincangkan dengan lebih lanjut. Pertama menerusi surah Aali Imraan: 14, Allah memerihalkan bahawa kecenderungan manusia kepada emas dan perak serta perhiasan dunia yang lainnya seperti wanita, anak-pinak, kuda, binatang ternak dan sawah ladang adalah kecenderungan syahwat yang tidak kotor dan jijik. Bahkan, Islam menggariskan bahawa kecenderungan syahwat ini bukanlah untuk ditekan atau ditindas malahan adalah untuk ditadbir urus bagi mencapai matlamat yang lebih tinggi maknanya iaitu memperoleh redha

Allah. Bahkan di syurga, perhiasan yang diperbuat daripada emas dan perak juga digambarkan sebagai nikmat yang diidam-idamkan. Hal ini dengan jelas membuktikan bahawa emas dan perak merupakan logam yang disukai, diterima dan dihargai oleh manusia sesuai dengan fitrah mereka. Atau dalam erti kata yang lain, manusia secara fitrahnya menyukai dan menerima sesuatu yang berharga kerana sifat tersebut mampu menyimpan nilai bagi kegunaan masa hadapan.

Kedua, dalam satu ayat dari Surah Yusuf: 20, Allah menjelaskan kisah Yusuf a.s dijual oleh pedagang yang menjumpai baginda di dalam telaga dengan sejumlah dirham yang sedikit. Ini salah satu ayat yang secara spesifik memperincikan salah satu peranan wang iaitu sebagai medium pertukaran dan mata wang yang disebut di dalam Al Quran ialah dirham (mata wang perak).

Ketiga, dalam surah Ali Imran: 75, Allah mengisahkan tentang sikap sebahagian ahli kitab (Yahudi) yang tidak berlaku amanah apabila mereka diamanahkan dengan emas yang sedikit mahupun banyak, mereka enggan mengembalikannya. Bahkan, mereka berdusta dengan mengatakan bahawa sikap yang sedemikian itu adalah perintah Tuhan ke atas mereka. Sesungguhnya, inilah yang dinamakan sebagai penipuan di atas nama Allah kerana Allah tidak pernah memerintahkan hambaNya untuk melakukan tipu muslihat dalam muamalah mereka. Menerusi ayat ini, dapatlah difahami yang emas boleh digunakan untuk membayar hutang atau bayaran tertangguh.

Keempat, dalam surah Aali Imraan: 91, ada dinyatakan bahawa orang kafir yang mati dalam kekufuran tidak akan pernah sekali-kali dapat menebus pembalasan Allah dengan emas sepenuh bumi. Perkataan menebus boleh difahami dengan perbuatan menukar ganti iaitu emas sebagai medium pertukaran.

Tidak dapat disangkal lagi bahawa emas dari segi teori dan praktiknya memenuhi kriteria yang diperlukan untuk berfungsi sebagai matawang. Karektor yang ada pada logam emas seperti diterima umum, mempunyai nilai intrinsik, menyimpan nilai dan terhad dari segi penawarannya adalah selaras dengan apa yang diperihalkan dalam keempat-empat ayat Al Quran yang dibincangkan di atas. Namun, perkembangan sistem kewangan yang semakin rumit memerlukan matawang bersandarkan emas wujud dalam bentuk yang praktikal dan akomodatif. Dengan demikian, sistem wang kertas bersandarkan emas yang pernah dilaksanakan dilihat bukan sahaja merupakan kejayaan masa lampau bahkan juga pada masa akan datang. Salah satu daripada kejayaan penting sistem ini adalah kestabilan nilai matawang yang dicapai dan seterusnya kestabilan tingkat harga komoditi. Nilai harta dan aset yang dimiliki terpelihara dengan lebih baik dan ia merupakan pencapaian makroekonomi yang dimahukan oleh mana-mana ekonomi di dunia.

Bahkan dalam hal yang melibatkan pinjaman contohnya, disebabkan nilai emas yang disandarkan adalah stabil, maka bayaran balik pinjaman adalah lebih adil kerana tidak terdedah dengan kadar bunga yang tidak pasti dan tidak tetap. Buktinya, dari tahun 1988 sehingga 2005, kadar pinjaman berasaskan emas adalah turun naik sekitar 2 hingga 4 peratus sahaja. Berbeza dengan pinjaman berasaskan kadar bunga yang turun naik sekitar 5 hingga 12 peratus bagi tempoh yang sama (Lewis, 2007).

Apabila emas menjadi sandaran kepada nilai wang kertas yang digunakan, maka ia menjadi kayu ukur yang stabil dan mapan. Ibaratnya, emas berfungsi sebagai termostat di dalam sesebuah ekonomi. Saatnya penawaran wang kertas terlalu banyak dalam ekonomi (nilai wang kertas menyusut), maka wang kertas akan dikeluarkan dari kitaran peredarannya. Sebaliknya, apabila terlalu sedikit wang kertas dalam ekonomi (nilai wang kertas meningkat), maka penawarannya diselaraskan atau ditingkatkan agar nilainya sama dengan emas yang disandarkan. Pokoknya, bukanlah isu tebus nilai atau penukaran wang kertas dengan emas sebenar yang menjadi prinsip asas pelaksanaan sistem ini. Namun, kebolehpayaannya mengikat nilai wang kertas pada kadar yang stabil serta keyakinan lebih baik masyarakat

terhadap kestabilan dan keteguhan wang kertas menjadi pemangkin kepada kesejahteraan sistem kewangan tersebut secara keseluruhannya.

### **Terminologi Lain Yang Menyumbang Kepada Pemahaman Matawang Dalam Al Quran**

Secara umumnya, dalam ekonomi Islam, terminologi yang digunakan untuk memberi faham makna ekonomi ialah perkataan *iqtisad* (atau kata dasarnya *qosoda*). Di dalam Al Quran, terdapat lima ayat yang mempunyai kata dasar *qoshoda* yang mana boleh dirumuskan sebagai sederhana, seimbang, jalan yang lurus dan tempat yang dekat. Dengan ini, dapatlah difahami bahawa konotasi ekonomi dalam Islam membawa mesej sebagai pencapaian kemakmuran yang seimbang, sederhana dan tetap mendokong prinsip yang betul (haq).

Selanjutnya, perbincangan tentang ekonomi dalam Islam tidak dapat dipisahkan daripada peranan utama manusia sebagai kedua-dua khalifah Allah dan juga hamba Allah, maka pemilihan dua terminologi seterusnya iaitu amanah (kata dasar *amana*) dan adil (kata dasar *adala*) dilakukan kerana melaksanakan amanah dan menegakkan keadilan adalah sebahagian daripada peranan penting seorang khalifah dan hamba Allah. Adapun di dalam Al Quran, dapatlah diperhatikan 13 ayat tentang amanah yang sesuai dikaitkan dengan kajian ini. Menerusi 13 ayat tersebut, dapatlah dirumuskan bahawa pemahaman berkaitan amanah itu merangkumi pertanggungjawaban, kebolehpercayaan, sifat para Rasul dan orang mukmin, ketenangan (jiwa dan tempat) dan larangan daripada mengkhianati amanah. Seterusnya, terdapat 10 ayat Al Quran berkaitan keadilan yang relevan dengan perbincangan kajian ini di mana menerusi ayat-ayat tersebut dapatlah diringkaskan bahawa pemahaman berhubung keadilan itu merangkumi penciptaan manusia yang sempurna, kehidupan berpogami dalam rumahtangga, golongan yang berada pada jalan yang betul, seruan supaya orang mukmin berlaku adil kerana ia lebih hampir kepada taqwa, penetapan hukuman bagi mereka yang membunuh haiwan buruan sewaktu mengerjakan haji ialah dengan mengorbankan haiwan yang sepadan, dan tiga tempat yang disebut secara khusus supaya berlaku adil iaitu dalam membelanjakan harta anak yatim, bertimbang sukat dan sewaktu memberi kesaksian.

Dalam masa yang sama, dua kegiatan ekonomi yang secara lansung melibatkan penggunaan matawang iaitu jual beli (*al bay'*) dan perdagangan (*tijarah*) turut dikupas demi melihat interaksi keseluruhan matawang di dalam Al Quran. Secara khususnya, terdapat 6 ayat Al Quran yang membicarakan jual beli (*al bay'*) iaitu adanya jual beli dalam bentuk spiritual, hukum kesaksian dalam jual beli secara hutang, larangan menyamakan jual beli dengan riba dan peringatan agar jual beli tidak sekali-kali melalaikan seorang Muslim daripada menunaikan kewajipannya terhadap Allah. Manakala terdapat 3 ayat Al Quran berhubung perdagangan (*tijarah*) yang relevan dengan kajian ini. Di antaranya ialah keharusan berurus niaga dalam musim haji iaitu selepas selesainya semua rukun haji, larangan daripada terlibat dalam perniagaan yang haram serta larangan khusus dari terlibat dalam transaksi perniagaan sewaktu selepas azan kedua fardhu Jumaat. Ini selaras dengan sistem *suftajah* di mana ia membenarkan kertas hutang yang dikeluarkan penggurup wang di awal perjalanan dapat ditukarkan dengan syiling sebenar dengan penggurup wang di akhir destinasi perdagangan mereka (Imtiaz & Azhar 2018). Manakala ringkasan kepada analisis konten ayat-ayat yang mengandungi terminologi tersebut dimuatkan dalam Jadual 1.

Secara makronya, kerangka ekonomi dalam Islam menganjurkan penyempurnaan amanah dan usaha menegakkan keadilan dalam hal-hal yang berkait langsung dengan urusan material sebagai matlamat yang paling utama. Hal ini dapat dijelaskan menerusi Rajah 2 di mana penunjuk arah bermula daripada matawang dan bergerak ke atas sehingga mencapai objektif tertinggi. Ini menggambarkan bahawa matlamat utama kegiatan ekonomi dalam Islam adalah untuk mencapai penyempurnaan amanah dan menegakkan keadilan, sesuai sebagai peranan utama khalifah dan hamba Allah. Untuk itu, matawang yang berperanan

sebagai medium yang digunakan dalam urusan jual beli dan perdagangan perlu mempunyai karektor yang mendokong kedua-dua matlamat tersebut dan bukan sebaliknya. Pemilihan dua jenis kegiatan ekonomi iaitu jual beli dan perdagangan bukanlah untuk menghadkan kegiatan ekonomi lain yang ada dalam Islam. Namun, pemilihan kedua-duanya adalah relevan dengan kajian ini kerana ia menyudutkan perbincangan sesuai peranan utama matawang iaitu sebagai medium pertukaran.

Seterusnya, menerusi konotasi *iqtisad* yang disebut di dalam Al Quran, kemakmuran ekonomi menurut kacamata Islam dapat difahami sebagai pencapaian yang seimbang di antara kejayaan material (duniawi) dan pembangunan spiritual (ukhrawi). Dan untuk mencapai kejayaan material dan spiritual, maka manusia perlu menurut jalan dan petunjuk dari Allah. Kebergantungan kepada Allah sebagai pencipta dan pemilik semua sumber yang ada di alam ini menuntut manusia agar tunduk, patuh, taat dan menyerah terhadap ketetapan dan peraturan dariNya. Ini yang difahami sebagai pra syarat kepada kejayaan dalam semua bidang termasuklah ekonomi. Sekalipun, liku dan laluan untuk mentaati Allah dalam bidang ekonomi itu sangat mencabar, namun ia mestilah dihadapi dengan sabar dan mengharap kepadaNya kerana ia merupakan kejayaan yang hakiki. Al Quran mengingatkan agar besederhana dan tidak berlebih-lebihan. Dengan itu, kayu ukur pembangunan ekonomi yang adil dan seimbang adalah lebih dituntut berbanding pembangunan yang pesat namun menatijahkan jurang ekonomi dan sosial yang tinggi. Kejayaan dalam aspek material dilihat hanya sebagai alat bagi memperoleh kejayaan yang lebih holistik termasuk dari segi sosial, budaya dan politik. Pengabaian pembangunan spiritual dek kerana matlamat pembangunan material semata-mata adalah punca kepada kepincangan yang signifikan. Sebagai contoh, mutakhir ini kemakmuran ekonomi tidak hanya diukur dengan kadar pengeluaran atau GDP dan hal ini membuka lebih banyak peluang untuk meneroka piawai yang lebih adil dan saksama seperti Index Pembangunan berasaskan Maqasid Shariah (Salman & Hassan, 2014).

Seperti mana yang sedia dimaklumi, dua peranan terbesar manusia sebagai hamba Allah dan khalifah Allah adalah untuk menunaikan amanah memakmurkan bumi ini bersandarkan syariat Allah dan menegakkan keadilan. Hal ini jika dilihat dari perspektif ekonomi, maka akan menemukan kita dengan tuntutan seperti menguruskan ekonomi tanpa terlibat dengan riba, berlaku adil dalam sukat dan timbangan dan memberi kesaksian terutama dalam bayaran tertanggung secara saksama. Malangnya, dengan sistem kewangan dan perbankan yang ada sekarang, riba adalah sesuatu yang sangat sukar dielakkan melainkan bagi mereka yang bersungguh-sungguh. Bahkan keadilan jelas tercalar apabila penawaran wang menerusi pinjaman berasaskan riba yang tidak terkawal menyebabkan nilai matawang merosot dan harga barang meningkat (inflasi), kuasa beli pengguna menurun dan begitu juga nilai aset yang dimiliki oleh orang ramai. Sungguhpun dalam sistem matawang bersandarkan emas, riba tetap tidak dapat dielakkan, namun kestabilan matawang adalah dapat dibuktikan dengan lebih berkesan, seterusnya mengurangkan impak penyusutan nilai matawang, harga komoditi yang lebih stabil dan kuasa beli yang lebih tinggi. Dalam ekonomi Islam, sistem matawang yang diperlukan adalah yang menyokong gagasan kestabilan dan keadilan serta seharusnya mampu memelihara objektif Shariah yang kelima. Sistem kewangan adalah salah satu sistem sokongan yang sangat penting dalam menentukan keberkesanan dan kejayaan kegiatan ekonomi lain seperti mudarabah, musyarakah, takaful dan lain-lainnya. Pendek kata, jika kegiatan ekonomi berlandaskan Shariah dipromosi dan dilaksanakan dengan begitu baik sekalipun, tanpa sistem matawang yang adil dan stabil, maka keberhasilan kegiatan ekonomi tersebut adalah minimum.

Selanjutnya, kajian ini menghuraikan dua kegiatan ekonomi yang paling kerap menggunakan matawang iaitu jual beli dan perdagangan. Menariknya, kebanyakan daripada ayat-ayat Al Quran yang menerangkan kedua-dua kegiatan di atas diturunkan selepas Hijrah di Madinah (Fazrul, 2016). Kedua-dua kegiatan ekonomi ini disebut secara jelas di dalam Al

Quran dengan mengetengahkan spektrum idea yang lebih luas melangkaui kepentingan untung dan laba. Al Quran membincangkan panduan umum tentang bagaimana kegiatan ekonomi itu harus dilaksanakan agar manusia terpandu dalam memperoleh keuntungan duniawi dan ukhrawi. Umum mengetahui bahawa kegiatan jual beli dan perdagangan merupakan aktiviti paling penting, paling asas dan paling banyak dilakukan dalam ekonomi. Dengan demikian, ayat-ayat yang menerangkan persoalan jual beli, mengetengahkan perkara pokok atau prinsip agar dapat memandu manusia melaksanakan kegiatan ekonomi terpenting ini dengan betul dan diredhai. Kegiatan jual beli adalah kegiatan ekonomi yang sesuai disimpulkan sebagai mikro kerana ia melibatkan transaksi dengan jumlah yang kecil. Berbeza dengan perdagangan, ia bersifat makro dan merangkumi sistem jual beli secara keseluruhannya. Berhubung kegiatan jual beli, Al Quran menggariskan bahawa manusia diharuskan berjual beli namun tidak dibenarkan terlibat dengan riba. Manakala bagi jual beli secara kredit, maka rekod yang jelas, terperinci dan disaksikan oleh saksi yang adil perlu dilakukan. Selanjutnya, bagi menjayakan transaksi jual beli yang sempurna dan diredhai Allah, maka pelaksanaan jual beli sewajarnya tidak menjadikan manusia itu cuai daripada tanggungjawabnya terhadap Allah. Manakala bagi ayat-ayat Al Quran yang memerihalkan kegiatan perdagangan, spektrum yang dibincangkan merangkumi teori dan praktis yang lebih luas. Antaranya ialah peringatan akan larangan memperoleh harta dengan cara yang tidak dibenarkan atau secara spesifiknya dilarang melaksanakan perdagangan melainkan dengan adanya redha atau persetujuan di antara semua pihak yang terlibat. Konotasi redha walaupun sesuatu yang tidak boleh diukur, namun ia boleh difahami sebagai keadaan di mana pihak yang terlibat dalam sesuatu transaksi bersetuju dan berpuas hati dengan nilai barang atau perkhidmatan yang diterima, berkadar dengan nilai wang yang dibayar. Dengan ini, ia mesti dilaksanakan secara telus dan terhormat. Proses ini jika dikaitkan dengan matawang, maka matawang tersebut sewajarnya memberikan nilai yang adil terhadap barang-barang dan perkhidmatan yang diperdagangkan. Nilai yang adil bagi matawang termasuklah matawang yang stabil, berharga serta tidak terdedah kepada spekulasi yang tidak munasabah.

## **RUMUSAN**

Setelah memahami sistem matawang bersandarkan emas dan pelaksanaannya maka dapatlah difahami empat perkara penting. Pertama, sistem ini tidak bebas dari unsur riba khususnya dalam hal berkait pinjaman apabila bunga turut dikenakan. Kedua, tingkat harga didapati lebih stabil kerana mekanisma sandaran matawang terhadap emas tidak memungkinkan penawaran wang kertas dilakukan tanpa kawalan. Ketiga, disebabkan wang kertas yang dikeluarkan boleh ditebus atau ditukar dengan emas sebenar, maka ia dilihat tetap menjadi wang yang mempunyai nilai intrinsik, cuma dalam bentuk yang lebih praktikal. Dan keempat, sistem ini tetap akomodatif terhadap instrumen kewangan terkini asalkan sikap yang mendasari agen ekonomi termasuklah isi rumah, kerajaan dan swasta adalah jauh daripada sifat tamak dan mementingkan diri sendiri.

Untuk itu, dari keempat-empat pemerhatian yang disebutkan di atas, pemerhatian pertama iaitu sistem matawang bersandarkan emas melibatkan riba adalah satu-satunya karektor yang tidak selari dengan pandangan Al Quran. Sesungguhnya, kerangka sistem matawang dalam Al Quran menekankan yang matawang seharusnya mempunyai nilai intrinsik, diterima menjadi medium pertukaran dan dapat menyimpan nilai. Dan hal ini dapat dilihat selari dengan apa yang dilaksanakan dalam sistem matawang bersandarkan emas.

Selain itu, secara praktisnya, negara-negara yang berhasrat untuk melaksanakan sistem ini tidak perlu menukarkan matawang mereka dengan syiling emas baharu contohnya, namun mereka hanya perlu memastikan penawaran setiap wang kertas disandarkan dengan emas sebenar atau boleh ditebus dengan emas sebenar.

Bagi memelihara nilai matawang yang disandarkan kepada emas ini daripada susut nilai, maka peningkatan penawaran matawang hanya boleh dilakukan melalui peningkatan rizab emas juga. Maka, negara-negara yang mahu meningkatkan rizab emas seharusnya meningkatkan kegiatan ekonomi terutamanya barang-barang dan perkhidmatan yang mempunyai nilai tambah yang tinggi. Hal ini jika dilihat secara positif, dapat menjadi pemangkin kepada kerancakan aktiviti ekonomi secara keseluruhannya.

## **RUJUKAN**

- Abdullah Muhammad (ed) (2005). Tafsir Ibn Kathir. *Mu'assah Dar-ul Hilal*
- Abul A'la Mawdudi (2011). First Principles of Islamic Economics. *The Islamic Foundation*
- Adam Abdullah (2016). The Islamic Currency. *International Council of Islamic Educators (ICIFE)*
- Ahamed Kameel Mydin Meera & Moussa Larbani (2009). Ownership Effects of Fractional Reserve Banking: An Islamic Perspective. *Humanomics, Vol. 25 Issue: 2*
- Ahamed Kameel Mydin Meera (2004). Real Money: Money and Payment Systems from An Islamic Perspective. *IIUM Press*
- Al Quran Tajwid dan Terjemahan (2012). Selangor: Humaira Bookstore Enterprise.
- Alan Bryman (2008). Of methods and methodology, *Qualitative Research in Organizations and Management: An International Journal*.
- Dutta, M (2005). The Theory of Optimum Currency Area Revisited: Lessons from the Euro/Dollar Competitive Currency Regimes. *Journal of Asian Economics*.
- Evans, A (2003). The Gold Dinar: A Platform for Unity. *Kertas kerja International Convention on Gold Dinar. Dewan Perdagangan Islam Malaysia*
- Calvin W.H. Cheong (2017). The Islamic Gold Dinar: A Hedge Against Exchange Rate Volatility. *Managerial Finance Vol. 44 No. 6, 2018 pp. 722-738*
- Ezani Yaacob (2002). Wang dari Perspektif Islam dan Konvensional. *Jurnal Tasawwur Islam. Jil 5*
- Fazrul Ismail (2016). Sinopsis 114 Surah. *Akademi Sinergi Ikhlas*
- Hamidi M. Lutfi (2007). Gold Dinar: Sistem Moneter Global Yang Stabil dan Berkeadilan. *Senayan Abadi Publications*
- Haneef, Mohamed Aslam & Barakat, Emad Rafiq (2002). Gold and Silver as Money: A Preliminary Survey of Fiqhi Opinions and Their Implications. *Proceedings of the 2002 International Conference on Stable and Just Global Monetary System*. International Islamic University Malaysia
- Huang, Ying & Feng Guo (2006). Is Currency Union is a Feasible Option in East Asia? A Multivariate Structural VAR Approach. *Research in International Business and Finance*
- Ibrahim Bassam Al Zubaidi, Adam Abdullah (2017). Developing a Digital Currency from an Islamic Perspective: Case of Blockchain Technology. *International Business Research; Vol. 10, No. 11; 2017*
- Imtiaz Mohammad Sifat and Azhar Mohamad (2018). From metal to paper: validating paper money from Islamic Perspective. *International Journal of Ethics and Systems Vol. 34 No. 1, pp. 2-19*
- Imran N Hosien (2007). The Gold Dinar and Silver Dirham. Al Tasneem Publication
- Jaafar Ahmad & Hailani Muji Tahir (2009). Beberapa Isu Fiqh Ke Arah Pelaksanaan Dinar Emas. *Isu Fiqh dan Persoalan Semasa. Universiti Kebangsaan Malaysia*
- Ling, Hazel Yuen Phui (2001). Optimum Currency Areas in East Asia: VAR Approach. *ASEAN Ekonomi Bulletin*.
- Mundell, R. (1961). A Theory of Optimum Currency Areas. *American Economic Review* 51.

- Noraini Peiea, Saadiyah Mohamad, Nur Syahirah Mohamad Yusoff, Aidaty Aqilah Joremed & Mohd Azizam Rosli (2017). Can gold dinar replace fiat money as currency? *Journal of Emerging Economies and Journal of Emerging Economies & Islamic Research* 5(3) 2017, 63 – 71
- Peter Ryan (2011). How The Gold Standard Works. *The Rosen Publishing Group*
- Rais Umar Ibrahim Vadillo (2002). The Return of The Islamic Gold Dinar. *Penerbitan Murabitun Nusantara*
- Sabitha Marican (2005). Kaedah Penyelidikan Sains Sosial. *Prentice Hall Pearson Malaysia*
- Salmy Edawati Yaacob (2012). The reality of gold dinar application in Malaysia. *Journal of Advances in Natural and Applied Sciences*. Vol. 6
- Sanep Ahmad & Dwi Chodro Triono (2009). Dinar Emas atau Sandaran Emas: Satu Tinjauan Fiqh. *Seminar Ekonomi Islam Peringkat Kebangsaan (SPEIK '09)*
- Sanep Ahmad & Salmy Edawaty Yaacob (2012). Dinar Emas: Sejarah dan Aplikasi Semasa. *Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia*
- Salman Syed Ali & Hamid Hassan (2014). Towards a Maqasid al-Shariah based Development Index. *IRTI Working Paper 1435-18*
- Zubair Hasan (2011). Money Creation and Control from Islamic Perspective. *Journal of Islamic Business and Management*

LAMPIRAN


$$\text{Harga komoditi} = \frac{\frac{\text{Permintaan komoditi}}{\text{Penawaran komoditi}}}{\frac{\text{Permintaan wang}}{\text{Penawaran wang}}}$$

RAJAH 1: Penawaran wang dan kaitannya dengan harga komoditi

JADUAL 1: Ringkasan analisis terminologi berkaitan matawang dalam Al Quran

No.	Terminologi	Surah dan ayat	Perbincangan
1	<i>Al-amanah</i> (amanah)	Al Ahzab: 72	Amanah juga difahami sebagai pertanggungjawaban.
		An Nisa: 58	
		Al Baqarah: 283	Amanah merangkumi tanggungjawab dan kebolehpercayaan.
		Yusuf: 54	
		Al Anfal: 27	Larangan melanggar amanah.
		Al Mu'minun: 8 Al Ma'arij: 32 Al 'Araf: 68 As Syu'ara: 10 & 125	Amanah sebagai sifat Rasul dan orang mukmin.
		Al An'am: 82 Al Anfal: 11 Ali Imran: 173	Amanah atau keamanan juga dirujuk sebagai ketenangan jiwa.
2	<i>Al 'Adl</i> (adil)	Al Infitaar: 7	Penciptaan susunan tubuh manusia itu seimbang.
		Al An'am: 70	Seruan agar meninggalkan golongan yang mempermainkan agama Allah. Dan di akhirat kelak, manusia tidak akan berupaya menebus kesilapannya dengan apapun jua.
		An Nisa: 129	Sekiranya hati seorang suami tidak mampu berlaku adil terhadap isteri-isterinya, janganlah sampai yang dicintai itu dilebih-lebihkan sedangkan yang kurang dicintai itu diabaikan.
		An Naml: 60	Golongan yang tidak memerhati dan mensyukuri ni'mat Allah adalah mereka yang menyimpang (dari kebenaran).
		Al Ma'idah: 8	Seruan supaya orang beriman sentiasa berlaku adil. Jangan sekali-kali kebencian terhadap sesuatu menjadi sebab tidak berlakunya keadilan. Dan berlaku adil itu lebih dekat dengan taqwa.
		Al An'am: 152	Suruhan untuk berlaku adil dalam tiga hal berbeza iaitu sewaktu membelanjakan harta anak yatim, bertimbang-sukat dan saat memberi keterangan (menjadi saksi)
		Al Ma'idah: 95 & 106	Dalam ayat 95, diperincikan kaedah yang denda bagi orang yang berihram namun membunuh binatang buruan. Untuk kesalahan tersebut, maka perlulah digantikan dengan binatang ternakan yang sepadan dengan haiwan buruan tersebut. Manakala dalam ayat 106, menyebut tentang suruhan melantik dua orang saksi yang adil sewaktu berwasiat sebelum kematian.
An Nisa: 58	Suruhan untuk menyerahkan amanah kepada orang yang layak menerimanya serta apabila menetapkan hukum dengan manusia, maka hendaklah berhukum dengan adil.		

		An Nahl: 90	Suruhan Allah agar manusia berlaku adil, berbuat kebajikan, membantu kerabat dan Allah melarang daripada melakukan perbuatan yang keji, kemungkaran dan permusuhan.
3	<i>Qasoda</i> (kata akar kepada <i>Iqtisad</i> atau Ekonomi dalam bahasa Arab)	Luqman: 19	Suruhan agar bersederhana dalam percakapan, hal ini termasuklah akan tidak meninggikan suara serta tidak berlebih-lebih dalam tutur bicara.
		An Nahl: 9	Hanya Allah yang berhak menjelaskan apa yang jalan yang lurus (yang membawa kepadaNya) dan jalan yang. Dan sekiranya Allah berkehendak, maka Dia boleh saja memberi petunjuk kepada seluruh umat manusia.
		At Taubah: 42	Sekiranya harta rampasan perang itu benar-benar di hadapan mereka, atau perjalanan tersebut dekat maka tentulah mereka mengikutimu, namun tempat yang dituju sangat jauh (wilayah Sham) dan sulit. Demi Allah, saatnya engkau pulang nanti wahai Muhammad, maka mereka akan mengemukakan pelbagai alasan kerana tidak turut serta (dalam perang Tabuk). Sedangkan mereka hanyalah membinasakan diri mereka sendiri sedang Allah Maha Mengetahui.
		Faatir: 32	Di kalangan hamba Allah yang diwariskan kitab kepada mereka, ada yang menzalimi diri mereka sendiri dan ada yang pertengahan dan ada juga yang lebih dahulu berbuat kebajikan.
		Luqman: 32	Apabila mereka diuji dengan ombak besar di lautan, mereka pun berdoa kepada Allah semata-mata. Namun setelah Allah menyelamatkan mereka dan mereka kembali ke daratan, hanya sebahagian dari mereka saja yang tetap menempuh jalan yang lurus.
4	<i>Al Bay'</i> (jual beli)	At Taubah: 111	Jual beli dalam bentuk spiritual di mana bagi mereka yang berjihad pada jalan Allah, maka mereka akan memperoleh ganjaran yang berganda disisiNya.
		Al Baqarah: 282	Digalakkan penyertaan saksi dan perjanjian bertulis bagi jual beli secara kredit dan juga transaksi peminjaman (berhutang).
		Al Baqarah: 254	Peringatan tiada lagi transaksi jual beli setelah datangnya hari kiamat.
		Ibrahim: 31	
		Al Baqarah: 275	Sesungguhnya jual beli tidak sama dengan riba. Dan Allah telah menghalalkan jual beli namun mengharamkan riba.
An Nur: 37	Proses jual beli tidak seharusnya melalaikan seorang Muslim daripada menunaikan kewajipannya terhadap Allah.		
5	<i>Tijarah</i> (perdagangan)	Al Baqarah: 198	Keharusan mengurus niaga dalam musim haji iaitu selepas selesainya rukun haji
		An Nisa: 29	Larangan daripada terlibat dalam kaedah yang haram bagi memperoleh harta. Namun, dibolehkan terlibat dalam transaksi komersial selagi ia memelihara perasaan saling meredhai di antara pihak yang terlibat
		Al Jumu'ah: 9 – 11	Larangan berniaga selepas azan Zuhur ke dua pada hari Jumaat kerana memberi perhatian terhadap khutbah Jumaat adalah lebih utama.



RAJAH 2: Hubung kait di antara amanah, adil, ekonomi (*iqtisad*), jual beli dan perniagaan serta interaksinya dengan matawang menurut perspektif Al Quran